

BERITA HARIAN

28/9/2017 p. V8

kembara/global

Timba ilmu kelestarian tanah, pengurusan urban di Eropah

Fakta nombor

Kursus teknikal Pengurusan Sumber Tanah dan Pembangunan Urban di Eropah

25 PELAJAR
sertai

8 HARI
tempoh

London: Sekumpulan pelajar Ijazah Sarjana Pengurusan Sumber Tanah (LARM), Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), mengikuti kursus teknikal Pengurusan Sumber Tanah dan Pembangunan Urban di Eropah, baru-baru ini.

Ketua Jabatan Pengurusan Tanah, Fakulti Pertanian UPM, Prof Madya Dr Radziah Othman, berkata pendekatan kursus itu meliputi pendekatan menangani tekanan akibat kepesatan pembangunan dan perancangan polisi guna tanah untuk pembangunan serta pertanian di Eropah.

"Selain kelestarian tanah, pelajar juga didedahkan dengan pengurusan sosial yang diambil kira dalam perancangan pembangunan bandar supaya merangkumi semua aspek diperlukan seperti peluang pekerjaan, kesihatan, kebajikan dan ekonomi setempat.

"Malaysia mempunyai banyak hutan dibuka, termasuk kawasan pertanian ditukar menjadi perumahan dan perindustrian. Tidak dinafikan pembangunan ini perlu kerana memberi peluang perniagaan, pela-

buran dan kerja kepada masyarakat tempatan maupun luar negara, namun pengurusan menyeluruh adalah penting," katanya.

Buat perbandingan

UPM mengadakan kursus wajib semua pelajar LARM sebagai syarat bergraduat itu dengan kerjasama Institut Tanah Antarabangsa Cambridge (CILI), Jabatan Ekonomi Tanah, University of Cambridge.

Sepanjang program itu, pelajar dengan diiringi Pensyarah Kanan Jabatan Pengurusan Tanah UPM, Dr Daljit Singh Karam, melawat kawasan yang dibangunkan semula, taman, pertanian bandar dan bandar pintar di sekitar ibu kota ini serta Amsterdam, Belanda.

Sementara itu penyelaras kursus teknikal CILI, Prof Dr William Seabrooke, berkata program terbabit bertujuan mendedahkan pelajar dengan kaedah pembangunan, reklamasi dan penjagaan kawasan bandar serta pinggir bandar yang diperlakukan di Eropah.

"Bertukaran idea sangat penting dalam usaha menyediakan suasana urban

yang selesa untuk seluruh masyarakat menjalani kehidupan harian, malah melalui program sebegini, pelajar dapat membuat perbandingan antara pendekatan diperlakukan di Malaysia dengan Eropah," katanya.

Pendekatan menarik

Sementara itu pelajar, Wan Abdul Hadi Wan Mohd Shafie, berkata kursus itu membantu dirinya menimba pelbagai ilmu pengetahuan baharu berhubung pembangunan kawasan yang boleh dilaksanakan di Malaysia.

"Antara pendekatan menarik ialah membaik pulih bangunan lama untuk dijadikan rumah. Kaedah ini dapat mengurangkan kos pembinaan bangunan baharu, menjimatkan penggunaan ruang dan memastikan kelestarian tanah serta kawasan terpelihara.

"Walaupun London dan Amsterdam mempunyai jumlah penduduk agak padat, mereka memastikan masalah seperti kesesakan lalu lintas dan isu perumahan kos rendah untuk penduduk kurang berkemampuan, dapat diselesaikan," katanya.

Pensyarah di Jabatan Ekonomi Tanah, University of Cambridge, Prof Robert Couchman (kiri), memberi penerangan kepada pelajar UPM mengenai kawasan luar bandar yang dibangunkan di Ongar, England.

